

Pelajar syukur terima wang pendahuluan dari PTPTN



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin beramah mesra bersama penerima WPP pada Majlis Penyerahan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) pada 22 Julai lalu di Kota Tinggi, Johor.

Terima RM1,500 bagi tampung perbelanjaan persiapan memasuki IPTA dan Politeknik

Oleh Tutty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 42,946 pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian Diploma di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Politeknik, layak menerima Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP).

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyediakan peruntukan berjumlah RM64.42 juta kepada pelajar bagi memajukan sesi Julai 2023.

Setiap pelajar yang layak, telah menerima wang sebanyak RM1,500 bagi menampung perbelanjaan untuk persiapan awal mereka memasuki IPTA dan Politeknik.

Pendahuluan pinjaman itu menunjukkan PTPTN sentiasa berusaha membantu serta menjaga kebajikan pelajar yang bakal memasuki IPTA dan Politeknik dengan menyediakan kemudahan berkenaan kepada mereka.

Sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi



Penerima WPP bergambar bersama replika kad WPP RM1,500 pada satu majlis penyerahan di Pasir Gudang, Johor.

(KPT), PTPTN juga komited memastikan tiada pelajar yang tercicir ke IPTA kerana masalah kewangan.

WPP diberikan kepada pelajar warganegara Malaysia yang memberikan persetujuan menerima wang berkenaan ketika memohon melalui UPUOnline atau melalui portal kemasukan IPTA.

Selain itu, syarat layak menerima WPP juga adalah ibu bapa atau penjaga pelajar merupakan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) serta perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Sejak WPP diperkenalkan pada 1999, sehingga 30 Jun lalu seramai 969,046 pelajar menerima manfaat berkenaan dengan peruntukan berjumlah RM1.43 bilion.

Pelajar boleh menunaikan WPP di kaunter Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) di seluruh negara mulai 18 Julai dengan membawa surat tawaran WPP serta MyKad pelajar (wakil adalah tidak dibenarkan).

Tempoh sah laku WPP adalah

selama dua bulan, iaitu bermula 18 Julai hingga 18 September ini.

Pelajar boleh membuat permohonan pinjaman PTPTN secara dalam talian melalui portal rasmi PTPTN mengikut tarikh permohonan yang ditetapkan bagi setiap IPTA untuk memastikan pinjaman dapat diproses dan diluluskan sewajarnya.

Untuk maklumat lanjut berkenaan WPP dan pinjaman PTPTN boleh layari portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my.

Pelajar juga boleh mendapatkan maklumat dengan cepat, mudah dan selamat melalui aplikasi myPTPTN.

Syukur layak terima WPP

Sementara itu, seorang penerima WPP, Nur Syaidatul Aqma Yusni, 18, dari Kota Tinggi, Johor, bersyukur kerana layak menerima wang pendahuluan berkenaan.

Anak kedua daripada empat beradik itu berkata, wang berkenaan sudah pasti akan digunakan sebaiknya sebagai persiapan menyanggah pengajian

di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pasir Gudang.

"Ibu hanya bekerja sebagai pekerja am di sekolah manakala ayah pula bekerja di ladang kelapa sawit dan dengan adanya WPP, ia sudah pasti dapat meringankan beban mereka.

"Malah, bagi saya, wang ini juga mencukupi untuk persiapan saya memasuki UiTM nanti," katanya yang akan menyambung pengajian Diploma Perniagaan Dalam Pengangkutan.

Nur Syaidatul Aqma berkata, dia amat berterima kasih kepada KPT dan PTPTN kerana menyediakan kemudahan sedemikian kepada bakal pelajar IPTA.

Katanya, ia banyak membantu meringankan beban terutama kepada mereka yang kurang berkemampuan.

Seorang lagi penerima WPP, L. Sukhadev, 18, dari Bukit Gelugor, Pulau Pinang, berkata dia amat gembira dengan bantuan

yang diterimanya itu.

Katanya, sebagai anak sulung, ia sudah pasti dapat membantu meringankan beban ibunya yang juga seorang ibu tunggal.

"Wang pendahuluan ini akan digunakan sebaiknya untuk persiapan memasuki Politeknik Seberang Perai nanti.

"Saya juga akan membuat senarai barang keperluan yang akan dibelikan nanti supaya tidak membazir," katanya yang akan menyambung pengajian dalam Diploma Perakaunan.

Sukhadev berkata, dia bersyukur walaupun ibunya hanya bekerja sebagai pembantu restoran makanan dan kadangkala menghadapi masalah kewangan, tetapi masih mahukan dia menyambung pengajian.

Malah katanya, dengan adanya PTPTN ia akan membantunya untuk menyambung pengajian dan mengejar cita-citanya sebagai seorang akauntan.



Penerima WPP bergambar bersama Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim dan Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid (belakang empat dari kanan).



Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mohammad Yusof Apdal bersama Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Sabah, Muliati Kamarudin menyampaikan surat tawaran kemasukan ke IPTA dan WPP PTPTN kepada calon pelajar terpilih di Sandakan, Sabah.